

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72

nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

Misi Akademik: Sejiwa Senada di Kapit

Oleh: Dr. Norseha Unin

info kampus

72nd ISSUE

37



Sempena Program Sejiwa Senada Kapit pada 4-6 Mac 2016, dua orang petugas UiTM Sarawak (Dr Norseha Unin dan Cik Theresa Ahing) telah ditugaskan di Stadium Terbuka Kapit untuk tujuan misi akademik. Booth UiTM Sarawak telah menerima sekurang-kurangnya 150 orang pelawat. Seramai 28 pelawat lepasan SPM adalah layak ke program pra-diploma. Pelawat lepasan SPM yang mempunyai 5 kredit tetapi tidak mendapat kredit bagi matapelajaran Matematik dan/atau Bahasa Inggeris telah diberi nasihat untuk memohon program Pra-Perdagangan dan juga ke program MDAB bagi keluarga berpendapatan kurang dari RM3 ribu. Pelawat juga terdiri daripada guru-guru sekolah dan mereka telah dibekalkan dengan pelbagai brosur program akademik UiTM Sarawak untuk dipanjangkan kepada kaunselor sekolah serta pelajar-pelajar mereka.

MISI AKADEMIK: Sejiwa Senada Sri Aman 2016

Oleh: Ismariani Ismail



Pada 8-10 April 2016, Kerajaan Negeri Sarawak telah menganjurkan satu program iaitu Sejiwa Senada 2016 di Padang KPS Lama, Sri Aman. Satu Majlis Perasmian Program Sejiwa Senada 2016 Bahagian Sri Aman telah diadakan di Pentas Utama dan telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem. Pelbagai aktiviti telah dijalankan iaitu senaman, larian sejiwa senada, pertandingan memasak, pertandingan gubahan bunga, pameran, gerai jualan, pameran dan produk sektor swasta, perhimpunan sivik, ceramah, program komuniti, persembahan kesenian dan kebudayaan, e-Peraduan dan pentas rakyat/hiburan. UiTM Sarawak telah dijemput untuk membuat pameran misi akademik selama 3 hari, bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 10.00 malam.

Sepanjang berlangsungnya pameran misi akademik UiTM Sarawak, lebih dari 300 orang pelawat telah hadir ke booth UiTM bagi bertanyakan program-program yang ditawarkan. Program Ined dan program peringkat sarjana mendapat sambutan dari orang awam, terutamanya golongan yang sudah bekerja. Pada hari terakhir program ini, satu majlis penutupan telah diadakan pada 7.30 malam. Ucapan penutupan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis, Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Muda Perumahan Sarawak. Antara pengisian majlis penutupan ini adalah penyampaian hadiah booth pameran terbaik, penyampaian sijil penghargaan jawatankuasa pengelola bahagian Sri Aman, cabutan utama e-Peraduan dan penyampaian cenderamata.

Bazaar Siswa is real-time business

By: Nasri Othman

Prior to 2016, *Kosiswa* UiTM Sarawak has made numerous improvements, especially in terms of its service for its customers. Increasing the range of products to be offered, *Kosiswa* UiTM Sarawak has been persistent in the field of business, laden with its competitiveness in the readily battling business arena of UiTM Sarawak.

The innovation has gone further with *Kosiswa* organising several major events meant to raise capital and sales. *Kosiswa*, operated by the staff as a team, has successfully organised several major events such as *Siswa Bazaar* 2016 which started operating on 1 March. *Siswa Bazaar* 2016 marked one of the biggest achievements of *Kosiswa* society. Prior to the success, many applications were received to join the community. By submitting the entry forms, the new members not only came to enjoy several benefits but also the shareholding feature of *Kosiswa*.

Siswa Bazaar exposes students to the system of business in real-time. They see, they learn, and they practise it. Parallel to the main objective of *Kosiswa*, which is to be a business learning medium for the participants and those around, the event has been successful to mould the students as customers and future entrepreneurs. Participated by exactly 13 suppliers selling various products, the event witnessed the sales of products ranging from food and beverages, casual attires and shawls to miscellaneous products.

To date, there are 220 *Kosiswa* members and the number has been growing since the day of its establishment in 2013. Judging by the rapid enhancement in all terms including customers' service, the three-year struggle has borne fruits. In the light of recent events, it will be further projected that in future, *Kosiswa* will be the leading business entity for the scholars of the university.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**